

KHUTBAH JUMAAT

“MENDEKATKAN DIRI KEPADA ALLAH SUBHANAHU WATA’ALA DENGAN ISTIQAMAH” (31 Mei 2019M/ 26 Ramadhan 1440H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بَعَثَ خَيْرَ نَبِيِّ أُرْسِلَ لِلْأَنَامِ، وَأَنْزَلَ مَعَهُ الْكِتَابَ تَبَيَانًا لِكُلِّ شَيْءٍ
وَبُرْهَانًا لِلْأَوْهَامِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، حَبِيبِنَا الْكَرِيمِ، وَرَسُولِنَا الْعَظِيمِ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ :

وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَخَشِيَ اللَّهَ وَيَتَّقِهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٥٢﴾

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata’ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhkan diri daripada segala tegahan-Nya. Semoga Allah *subhanahu wata’ala* mencurahkan rahmah dan pengampunan-Nya kepada kita. Pada hari ini, khatib akan membicarakan tajuk ***Mendekatkan Diri Kepada Allah Subhanahu Wata’ala Dengan Istiqamah.***

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kini kita berada di penghujung bulan Ramadan. Bagaimana agaknya amalan kita sepanjang bulan ini? Adakah setiap detik yang berlalu kita manfaatkan dengan sebaiknya? Jika ada antara kita

yang tidak berpeluang untuk mendirikan amal ibadah pada hari-hari yang lepas, maka pertingkatkanlah usaha pada baki beberapa hari ini agar diperbaiki lagi hubungan kita dengan Allah *subhanahu wata'ala*.

Sekiranya kita mendambakan hubungan yang baik dengan Allah *subhanahu wata'ala*, perkara pertama yang mesti kita berikan tumpuan, adalah tuntutan untuk mendirikan kewajipan sebagai seorang Mukmin. Sebagai contoh, selain daripada tuntutan solat dan berpuasa yang seringkali ditumpukan, ibadah zakat juga merupakan kewajipan yang perlu dilaksanakan setiap tahun bagi mereka yang telah memenuhi syaratnya.

Tambahan dari itu, ibadah-ibadah sunnah yang kita kerjakan, seperti melaksanakan solat tarawih, berzikir dan membaca Al-Quran, semuanya itu membantu mendekatkan lagi hubungan kita dengan Allah *subhanahu wata'ala*. Perhatikan sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari *rahimahullah* :

((إِنَّ اللَّهَ قَالَ : مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَدْ آذَنْتُهُ بِالْحَرْبِ، وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُهُ عَلَيْهِ، وَلَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبَّهُ....))

Maksudnya : *Sesungguhnya Allah subhanahu wata'ala berfirman: Sesiapa yang memusuhi wali-Ku, maka sesungguhnya Aku mengisytiharkan perang terhadapnya. Dan tiada seorang hamba-Ku yang mendekatkan dirinya kepada-Ku dengan sesuatu yang lebih Aku cintai, lebih dari menunaikan semua yang diwajibkan ke*

atas dirinya. Dan hendaklah hamba-Ku sentiasa bertaqarrub dirinya kepada-Ku dengan ibadah sunnah sehingga Aku mencintainya ...

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Apabila kita memperbaiki hubungan kita bersama Allah *subhanahu wata'ala* nescaya Allah *subhanahu wata'ala* akan mengurniakan limpahan rahmah-Nya kepada kita. Apatah lagi di penghujung bulan Ramadan dimana Allah *subhanahu wata'ala* mengurniakan kepada hamba-hamba-Nya yang tekun dan beristiqamah dalam beribadah dengan sebuah anugerah iaitu Lailatul Qadar. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah al-Qadar, ayat 1-5 :

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ﴿٢﴾ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ﴿٣﴾ تَنَزَّلُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ ﴿٤﴾ سَلَامٌ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ ﴿٥﴾

Maksudnya : *Sesungguhnya, Kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada malam Lailatul-Qadar, Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran malam Lailatul-Qadar itu? Mmalam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut); Sejahteralah malam (yang berkat) itu hingga terbit fajar!*

Jika kita fikirkan, antara hikmah di sebalik dirahsiakan hari berlakunya Lailatul Qadr adalah agar kita sentiasa tekun dan

memanfaatkan masa yang diberikan dengan sebaik mungkin. Seperti yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari *rahimahullah* bahwa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda yang maksudnya :

((*Carilah Lailatul Qadar di sepuluh malam yang terakhir daripada bulan Ramadan*)).

Ia juga bertindak sebagai pendorong dan harapan kepada setiap Mukmin untuk melaksanakan sesuatu amalan secara konsisten (*istiqamah*) dan meraih ganjaran Ramadan walaupun pada ketika Ramadan berada di penghujungnya.

Imam al-Qusyairi *rahimahullah* berkata:

“Istiqamah adalah sebuah darjat, dengannya berbagai urusan menjadi sempurna dan berbagai kebaikan akan diraih. Sesiapa yang tidak istiqamah pada keperibadiannya, maka dia akan sia-sia dan gagal.”

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sifat *istiqamah* merupakan antara ciri orang yang beriman. Seorang Mukmin merupakan individu yang bersifat *istiqamah* pada setiap urusannya. Malah sifat *istiqamah* ini seharusnya diterapkan dalam kehidupan seharian kita.

Imam al-Bukhari *rahimahullah* meriwayatkan sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang bermaksud:

((Sesungguhnya amalan yang dicintai oleh Allah adalah yang dilakukan secara istiqamah iaitu berterusan walaupun sedikit)).

Justeru, bagaimanakah perhatian kita dalam mendirikan sifat istiqamah setelah berlalunya Ramadan kelak? Adakah amal ibadah dan kebajikan yang telah kita laksanakan sepanjang bulan ini, kita tinggalkan sehingga menjadi rutin tahunan pada bulan Ramadan sahaja? Ataupun kita akan terus berusaha sepanjang tahun untuk terus melaksanakan segala jenis amal ibadah dan juga amal kebajikan sepertimana yang dituntut agama?

Terdapat beberapa perkara yang boleh membantu kita menerapkan sifat istiqamah di dalam kehidupan kita.

Pertama: Istiqamah Hati dan Lisan. Kedua-duanya merupakan bahagian daripada jasad insan yang terpenting bagi seorang Mukmin. Seorang hamba hendaklah berusaha agar hatinya tetap istiqamah dalam kebaikan sepertimana ia teguh dalam pendirian iman. Pada masa yang sama memastikan agar kesucian dan keikhlasan hati sentiasa terpelihara. Sebabnya, hati ibarat raja bagi seluruh anggota tubuh. Jika hati seseorang itu rosak, maka rosaklah perwatakan dan peribadinya. Lisan pula merupakan anggota tubuh yang terpenting setelah hati. Kerana ia adalah wadah yang mengungkapkan apa yang tersirat di dalam lubuk hati.

Jika kita semasa berpuasa, sentiasa berusaha menjaga hati dan lisan daripada segala perkara yang boleh merosakkan pahala

puasa kita, maka sewajarnya segala pencapaian tersebut berterusan sepanjang tahun-tahun yang mendatang.

Kedua: Istiqamah Fizikal.

laitu sentiasa tekun dalam melaksanakan pekerjaan seharian kita. Istiqamah bukan hanya berkaitan urusan akhirat, malah ia juga berhubung kait dengan urusan dunia.

Ramadan mengajar kita, bahawa beribadah tidak terbatas hanya di atas sejadah, mengambil satu sudut di masjid dengan bersolat dan berzikir, atau berpuasa pada hari-hari tertentu. Kerana insan Muslim mempunyai misi di dunia melebihi kepuasan peribadi. Insan Muslim membawa rahmat dan kebaikan kepada seluruh alam: pada keluarganya, jirannya, tetamunya, temannya, masyarakat, binatang, tumbuh-tumbuhan dan sesiapa sahaja yang berinteraksi dengannya.

Insan Mukmin menjadi sumber kebaikan kepada seluruh ciptaan Allah *subhanahu wata'ala*, bukan sahaja di bulan Ramadan, bahkan secara konsisten sepanjang hayatnya. Apabila kita memerhatikan sifat istiqamah, nescaya amalan dan akhlak yang kita hidupkan sepanjang bulan ramadan akan tetap bertemankan kita hingga ke penghujung usia. Hubungan bersama Allah *subhanahu wata'ala* yang kita bina pastinya tidak akan mudah pudar selagi mana kita tetap beristiqamah dalam mendirikan amal ibadah.

Janganlah kita berputus asa kepada Allah *subhanahu wata'ala* kerana memikirkan dosa yang lalu. Ibnu Atha'illah as-Sakandari *rahimahullah* berkata dalam kitabnya Al-Hikam:

“Jika engkau terlanjur berbuat dosa, maka janganlah ia membuatkan engkau berputus asa dalam mencapai istiqamah kepada Tuhanmu, kerana mungkin itulah dosa terakhir yang ditakdirkan ke atasmu.”

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Akhirnya, khatib ingin mengingatkan agar kita tidak leka atau terlupa dengan kewajipan menunaikan zakat fitrah. Semoga ibadat zakat yang ditunaikan bukan sahaja dapat menggembirakan golongan fakir miskin, bahkan dapat juga memberatkan timbangan amal kebajikan kita, ketika kita ditimbang di Padang Mahsyar kelak.

Marilah kita perkukuhkan jiwa kita dengan keimanan, hati kita dengan ketakwaan, perbanyakkanlah berdoa di hari-hari yang terbaki dari bulan suci ini. Semoga Allah *subhanahu wa ta'ala* mengurniakan kepada kita peluang pada Ramadan kali ini untuk mensucikan diri kita dan juga harta kita, sehingga membawa ketenangan dan kesejahteraan ke dalam kehidupan kita di dunia dan akhirat. Amin Ya Rabbal Alamin. Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Ma'idah, ayat 35 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَابْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجَاهِدُوا فِي سَبِيلِهِ لَعَلَّكُمْ

تُفْلِحُونَ ﴿٢٠٠﴾

Maksudnya : *Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan carilah yang boleh menyampaikan kepadaNya (dengan mematuhi perintahNya dan meninggalkan laranganNya); Dan berjuanglah pada jalan Allah (untuk menegakkan Islam) supaya kamu beroleh kejayaan.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

{إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا }
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Ampunkanlah dosa dan kesalahan kaum muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat, sama ada yang masih hidup ataupun yang telah meninggal dunia. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia ini, lebih-lebih lagi di akhirat kelak.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Islam Negara kami, khasnya kepada *Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia*, dan juga pemimpin-pemimpin Islam negeri kami, khususnya *Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak*.

Limpahkanlah kedamaian, keamanan, keharmonian, kemakmuran dan rahmatMu kepada negeri dan negara kami ini secara khususnya dan juga kepada semua negara umat Islam di seluruh dunia ini, Ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami, Terimalah solat kami, puasa kami, amalan-amalan sunat yang telah kami kerjakan, kekhusyukan kami, perhambaan kami dan sempurnakanlah segala kekurangan yang ada pada diri kami. Ya Allah ! Kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mengejar segala kebaikan yang telah Engkau sediakan dalam bulan Ramadan Mubarak ini. Jauhkanlah diri kami daripada godaan nafsu yang akan merosakkan proses peribadatan dan perhambaan kami kepada-Mu sepanjang bulan yang agung ini, ya Allah. Kami berlindung dan bermohon denganMu ya Allah, semoga negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Pada hari yang mulia ini juga, kami memohon ke hadratMu ya Allah, jadikanlah setiap individu generasi muda dalam kalangan remaja dan belia generasi pelapis negara dan negeri kami ini golongan yang beramanah, bertanggungjawab, dan berakhlak mulia agar dapat membentuk sebuah masyarakat yang baik, aman dan bertamadun, serta mendapat keampunan, keredhaan dan berkat daripadaMu, ya Allah. Peliharalah kami serta generasi yang mewarisi kami, daripada terlibat dalam apa jua unsur negatif yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ.
وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.